

# Hubungan Malaysia, Indonesia tetap terjalin

UM 21 JUL 2001

**KUALA LUMPUR 20 Julai**  
— **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** berkata, hubungan Malaysia dan Indonesia akan tetap terjalin tanpa mengira siapa yang meneraiji republik itu.

Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia hanya mempunyai hubungan dengan kerajaan yang diiktiraf oleh rakyat Indonesia dan perundangan republik itu.

Katanya, Malaysia berharap keputusan perundangan republik itu yang melantik Megawati Sukarnoputri sebagai Presiden baru akan membawa kebaikan bagi Indonesia.

“Keputusan itu adalah hak rakyat Indonesia sendiri berlandaskan undang-undang Indonesia. Kita tidak menentukan (pemimpin Indonesia) yang mana satu yang kita nak kenal pasti.

“Ia masalah Indonesia dan kita harap apa yang mereka lakukan akan membawa kebaikan kerana kita ambil berat bahawa Indonesia perlu stabil,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) di Stesen Sentral Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan sidang istimewa Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) hari ini yang memecat Presiden Abdurrahman Wahid dan melantik Megawati sebagai Presiden baru.

Pelantikan Megawati yang merupakan anak Presiden Indonesia pertama, Sukarno diumumkan oleh Ketua MPR, Amien Rais pada pukul 5.57 petang